# TATACARA PELAKSANAAN PROJEK ICT KKM

SURAT PEKELILING AM KEMENTERIAN KESIHATAN

BILANGAN 1 TAHUN 2016

# KANDUNGAN GARIS PANDUAN

1. Permohonan Kelulusan Teknikal dan Pemantauan Projek ICT KKM
2. Permohonan Mendapatkan Perkhidmatan *Wireless Broadband* Dan Jalur Lebar bagi Kegunaan Fasiliti Kesihatan
3. Pengurusan Laman Web di KKM

# GARIS PANDUAN MEMOHON KELULUSAN DAN PEMANTAUAN PROJEK ICT KKM

**SURAT PEKELILING AM KEMENTERIAN KESIHATAN**

**BILANGAN 1 TAHUN 2016**

# SKOP PROJEK ICT YANG MEMERLUKAN KELULUSAN JPICT

**Projek Baharu**

- Pembangunan Sistem Aplikasi
- Perkakasan Komputer
- Perisian Komputer
- Perkhidmatan ICT

**Peningkatan Sistem**

**Pertambahan Peralatan**

**Peluasan Projek**

# TERPAKAI BAGI PROJEK ICT KKM YANG DIBIAYAI OLEH PERUNTUKAN KEWANGAN

Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), JPM

- Kerajaan Persekutuan
- Inisiatif Pembiayaan Swasta
- Kerjasama Awam Swasta

# HAD NILAI KELULUSAN TEKNIKAL PROJEK ICT



# HAD NILAI KELULUSAN TEKNIKAL PROJEK ICT- Pembangunan Sistem Aplikasi

## <50K

- JPICT AGENSI/SETARA
- JPICT JKN
- JTI KKM

## ≥50K - <1J

- JPICT AGENSI/SETARA
- JPICT JKN
- JTI KKM
- JPICT KKM

## ≥1J

- JPICT AGENSI/SETARA
- JPICT JKN
- JTI KKM
- JPICT KKM
- JTISA, MAMPU

Setara: cth. Mesyuarat Pengurusan atau dipengerusikan oleh Ketua Jabatan/agensi

* Had nilai kelulusan teknikal projek ICT di perenggan 11 di atas tidak termasuk nilai Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST)

# HAD NILAI KELULUSAN TEKNIKAL PROJEK
## Perkakasan, Perisian & Perkhidmatan ICT

**<100K**
- JPICT AGENSI/SETARA

**≥100K -<500K**
- JPICT AGENSI/SETARA
- JPICT JKN
- JTI KKM

**≥500K - <5J**
- JPICT AGENSI/SETARA
- JPICT JKN
- JTI KKM
- JPICT KKM

**≥5J**
- JPICT AGENSI/SETARA
- JPICT JKN
- JTI KKM
- JPICT KKM
- JTISA, MAMPU

Setara: cth. Mesyuarat Pengurusan atau dipengerusikan oleh Ketua Jabatan/Agensi

* Had nilai kelulusan teknikal projek ICT di perenggan 11 di atas tidak termasuk nilai Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST)

# SISTEM APLIKASI PROFIL PROJEK ICT (PROFIT)

PROFIT:

Sistem aplikasi untuk mendaftar dan merekod permohonan perolehan projek ICT, mengemas kini dan memantau semua projek ICT yang dilaksanakan oleh semua agensi dan fasiliti KKM.

# TATACARA PERMOHONAN KELULUSAN TEKNIKAL PROJEK ICT

- Semua peringkat permohonan perolehan projek ICT KKM perlu dikemukakan melalui Sistem Aplikasi PROFIT.

- Semua permohonan **Pembangunan Sistem Aplikasi** daripada agensi dan fasiliti KKM hendaklah mendapat sokongan daripada **Ketua Program** dan mempunyai peruntukan sebelum memohon kelulusan teknikal.

- Bagi permohonan peruntukan kewangan projek/perolehan ICT, semua agensi dan fasiliti KKM hendaklah mengemukakan kepada **Bahagian Kewangan KKM** atau **Bahagian Pembangunan KKM** mengikut keperluan sumber peruntukan.

# PELAPORAN KEMAJUAN PROJEK YANG DILULUSKAN OLEH JPICT KKM DAN JTISA

- Semua pemantauan/pelaporan kemajuan pembangunan projek ICT yang diluluskan oleh JPICT KKM atau JTISA - Sistem Aplikasi PROFIT

- Kekerapan pemantauan dan pelaporan- setiap bulan dari tarikh kelulusan

- Bagi projek ICT yang diluluskan oleh JTISA, laporan pelaksanaan projek hendaklah dikemukakan selepas satu (1) tahun projek dilaksanakan (go live).

- Tempoh sah laku kelulusan teknikal perolehan ICT yang dikeluarkan oleh JPICT adalah **tiga (3) tahun** dari tarikh surat kelulusan.

# GARIS PANDUAN PERMOHONAN MENDAPATKAN PERKHIDMATAN WIRELESS BROADBAND & PERKHIDMATAN JALUR LEBAR BAGI KEGUNAAN FASILITI KESIHATAN KKM

SURAT PEKELILING AM KEMENTERIAN KESIHATAN

BILANGAN 1 TAHUN 2016

# LATAR BELAKANG

- Pada dasarnya, KKM tidak membenarkan talian selain 1Gov*Net dipasang di fasiliti.
- Walau bagaimanapun, KKM membenarkan fasiliti yang belum dibekalkan dengan talian 1Gov*Net, memohon pemasangan sementara dari penyedia perkhidmatan yang lain dan dalam masa yang sama perlu memohon mendapatkan talian 1Gov*Net.
- KKM perlu memastikan kelulusan bagi permohonan yang diberikan tidak mengancam maklumat dan rangkaian sedia ada di KKM.
- Ini adalah bagi memastikan kelancaran operasi yang melibatkan penggunaan Internet tidak terganggu.

# SKOP

## Wireless broadband

- Wireless broadband-dilanggan dengan kuota bersama peralatan khusus (dongle) yang diterima untuk akses ke Internet.
- Mudah alih.
- Langganan ini dengan bil secara bulanan atau secara pakej.



# SKOP

**Perkhidmatan Jalur Lebar (Broadband)**

- Dilanggan mengikut kapasiti jalur lebar yang dipilih.
- Dipasang secara tetap di lokasi.
- Datang bersama peralatan khusus untuk akses ke Internet.
- Bil secara bulanan/pakej.



# TIDAK TERMASUK DALAM GARIS PANDUAN INI

## Pelan Data Akses Mobile




- Dilanggan dengan kuota untuk akses ke Internet.
- Menggunakan telefon mudah alih/telefon pintar/tab/ipad.
- Langganan ini dengan bil secara bulanan atau secara pakej.



# TIDAK TERMASUK DALAM GARIS PANDUAN INI

## Pemasangan Peralatan Tanpa Wayar

- Pemasangan bagi tujuan komunikasi (data dan suara), dipasang oleh pihak Telco dan melibatkan bayaran langganan dikenakan ke atas pelanggan oleh pihak Telco
- Cth: Celcom Wifi, maxis Wifi hotspot, TM Wifi, Kiosk Wifi, FemtoCell, RFID.
- Kelulusan pemasangan peralatan wireless ini oleh Telco adalah di bawah kelulusan Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, KKM.

# KRITERIA PERMOHONAN

- Fasiliti tidak layak membuat permohonan sekiranya telah dibekalkan dengan talian 1GOV*Net.
- Penggunaan adalah bagi tujuan rasmi.
- Peruntukan mencukupi.
- Fasiliti mempunyai infra dan peralatan ICT.
- Bagi keperluan untuk menggunakan bersama peralatan lain seperti notebook, CCTV, kamera pemantauan, pengukuran kawasan menggunakan GPS dll.
- Kegunaan bukan tujuan individu. Perlu didaftarkan di bawah nama fasiliti, bukan atas nama peribadi atau jawatan.

# KRITERIA PERMOHONAN

- Permohonan hendaklah jelas menyatakan maksud permohonan dan justifikasi.
- Permohonan mestilah melalui ketua jabatan fasiliti. Cth: melalui PKD, dan kelulusan di peringkat JKN bagi wireless broadband.
- Perkhidmatan Jalur Lebar (Broadband):
  - permohonan melalui JKN, dan kelulusan di peringkat Bahagian Pengurusan Maklumat, KKM.
  - Mempunyai pegawai yang bertanggungjawab menguruskan talian yang dipohon.

# PENDAFTARAN & PEMASANGAN

- Fasiliti boleh membuat pilihan pakej, membuat sendiri proses permohonan pendaftaran & memastikan pemasangan dilaksanakan.
- Bertanggungjawab memilih Penyedia Perkhidmatan Internet (ISP).
- Pemilihan ISP berdasarkan kepada perkhidmatan dan pakej terbaik yang menguntungkan Kerajaan.
- Semua konfigurasi untuk mendapatkan akses internet perlu dibuat dengan sempurna oleh pihak ISP.

# PEMILIHAN KELAJUAN JALUR LEBAR

- Boleh melanggan kelajuan minimum **1Mbps** dan bergantung kepada infrastruktur jalur lebar yang disediakan di kawasan tersebut.

- Kelajuan maksimum berdasarkan kepada had maksimum langganan **RM600.00** sebulan.

# TANGGUNGJAWAB FASILITI

- Bertanggungjawab menyediakan buku log bagi merekodkan penggunaan wireless broadband (peminjaman dan aktiviti luar)
- Merancang penggunaan wireless broadband bagi memastikan quota yang dilanggan mencukupi.
- Memastikan kegunaan untuk tujuan rasmi aktiviti staf dan fasiliti.
- Membuat aduan terus ke ISP sekiranya terdapat gangguan talian seperti perlahan, intermittent dll.
- Ketua fasiliti bertanggungjawab memastikan keselamatan peralatan serta membuat penggantian sekiranya berlaku kerosakan.
- Mewujudkan rangkaian LAN berasingan bagi pengguna talian.
- Membuat penamatan talian sekiranya telah dilengkapi dengan talian 1GOV*Net dengan mengambil kira baki kontrak dengan ISP.
- Membuat penamatan dan memaklumkan kepada JKN.
- Menjelaskan bil bulanan tepat pada masanya.

# GARIS PANDUAN
# PENGURUSAN LAMAN WEB KKM

**SURAT PEKELILING AM KEMENTERIAN KESIHATAN**

**BILANGAN 1 TAHUN 2016**

# SKOP

- Meliputi perancangan, pembangunan laman web baru, penambahbaikan laman web sedia ada, penyelenggaraan, pengemaskinian maklumat, pemantauan dan pengukuran prestasi laman web di KKM.

# TADBIR URUS LAMAN WEB

- Perlu menubuhkan jawatankuasa dan pasukan kerja laman web



# PEWUJUDAN NAMA

- Perlu menggunakan subdomain KKM.
- Memohon nama subdomain KKM melalui BPM, KKM.

# PEMBANGUNAN LAMAN WEB

- Perlu merujuk kepada Garis Panduan Pelaksanaan Rasionalisasi Laman Web Sektor Awam, MAMPU.
- Mengurangkan jumlah laman web di agensi sektor awam yang mempunyai laman web berganda, tidak diperlukan lagi dan tidak diselenggara serta menjimatkan kos agensi dari segi penyediaan dan penyelenggaraan laman web.
- Pembangunan laman web secara outsource perlu mendapat kelulusan teknikal JPICT KKM.
- Pembangunan laman web secara inhouse hendaklah mendapat kelulusan JPICT agensi/setaraf.
- Perlu mengambil kira komponen utama laman web seperti reka bentuk, kepelbagaian fungsi dan kandungan laman web berkualiti.
- Perlu memenuhi kriteria Provider-Based Evaluation (ProBE) bagi agensi yang tersenarai.

# PERKHIDMATAN WEB HOSTING

- Hendaklah dihoskan di server iPortal yang diselia BPM di Pusat Data Sektor Awam (PDSA), MAMPU.
- Sekiranya wujud keadaan yang memerlukan perkhidmatan webhosting pihak ketiga perlu kelulusan JPICT, KKM.
- Hanya web hosting pihak ketiga dalam Negara dan mempunyai reputasi perkhidmatan yang baik sahaja dibenarkan.
- Agensi bertanggungjawab bagi pembangunan, penambahbaikan dan penyelenggaraan laman web masing-masing.
- Perlu memastikan kandungan laman web sentiasa dikemaskini, berfungsi dan tiada masalah breakdown, error page atau broken link.

# KANDUNGAN LAMAN WEB

- Memastikan TIDAK MENGANDUNGI:
  - Iklan perkhidmatan oleh pihak luar
  - Memaparkan isu sensitif seperti isu agama, politik dan perkauman
  - Menyebarkan perkara yang tidak berkaitan dengan perkhidmatan yang ditawarkan di agensi
  - Memaparkan kenyataan yang boleh menjejaskan imej Kerajaan
  - Memaparkan dokumen terperingkat

SEKIAN, TERIMA KASIH